



Program: PISMP	Nama Pelajar:	
Kod: PIMK3033	Semester / Tahun: 2/2	
Nama Kursus: PENGAJIAN SIRAH	Ambilan: Jun 2016 Kumpulan: P2C-PA	
Tugasan	Tarikh Mula	Tarikh Hantar
1. Penulisan	<u>5/3/2017</u>	<u>29/3/2017</u>
2. Pembentangan	<u>30/3/2017</u>	
3. Kuiz	<u>27/4/2017</u>	

Hasil Pembelajaran Kursus:

1. Menjelaskan kepentingan sirah. (C2, PLO1).
2. Menganalisis peristiwa sebelum dan selepas penghijrahan Rasulullah SAW. (C4, A4, PLO3, CTPS4).
3. Menghubung kait kepimpinan Rasulullah SAW dengan profesion perguruan. (C3, PLO3, PLO4, PLO8, CTPS3, CS3, EM1)
4. Membincangkan penyelesaian masalah salah faham terhadap sirah Rasulullah SAW melalui pembentangan. (C5, A3, PLO3, CTPS3).

Kerja kursus ini bagi menilai hasil pembelajaran 1,2,3 dan 4.

Objektif Kerja Kursus:

Pelajar dapat:

1. Menghasilkan sebuah esei tentang perkaitan kepemimpinan Rasulullah SAW dengan kepimpinan pengajaran guru dalam bilik darjah seiring gagasan Pendidikan Abad Ke-21.
2. Membuat pembentangan hasil Tugasan 1.
3. Menjawab soalan kuiz dengan tepat.

Rasulullah dilahirkan ditengah-tengah kehidupan masyarakat Arab Jahiliyah yang terumbang ambing dan bercelaru. Allah telah mimilih dan mengutus Rasulullah sebagai rahmat kepada seluruh alam. Baginda memiliki keperibadian yang ulung dan kepemimpinan yang agung. Perjuangan baginda menegakkan agama Allah dan mengurus dunia dengan ajaran tersebut telah terpaksa menghadapi pelbagai tribulasi. Namun baginda tetap berjaya melepasinya sehingga disegani oleh kawan dan lawan. Ketokohan Rasulullah sebagai pemimpin yang berwibawa wajar menjadi aspirasi kepada seluruh umat manusia untuk meneladannya dalam semua bidang.

Dalam konteks pendidikan, baginda sangat berjasa mengangkat martabat manusia sebagai makhluk Allah yang berilmu dan bijaksana. Namun, pihak orientalis sentiasa berusaha agar umat Islam tidak mencontohi kepemimpinan Rasulullah dengan pelbagai dakwaan palsu dan memberikan tafsiran yang salah terhadap sirah baginda.

Justeru, Malaysia tidak sewajarnya mengabaikan kehebatan Rasulullah untuk dijadikan suri teladan kepada para pendidik dalam proses membangunkan modal insan berdaya saing dan kukuh jatidiri. Penubuhan pasukan *Educational Leadership and Instructional Team (ELIT)* oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia yang terdiri daripada pemimpin tertinggi sekolah, Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah, Institut Aminuddin Baki dan Institut Pendidikan Guru telah menzhairkan relevansi faktor kepemimpinan sebagai Faktor Kejayaan Kritikal pelaksanaan Program Transformasi Sekolah. Kepemimpinan pendidikan di Malaysia akan menjadi lebih hebat dengan mengadaptasi teladan kepemimpinan Rasulullah.

Pelajar dikehendaki melaksanakan tugas berikut:

TUGASAN 1: Penulisan esei (30%)

1. Esei tentang perkaitan kepemimpinan Rasulullah SAW dengan kepimpinan pengajaran guru dalam bilik darjah seiring gagasan Pendidikan Abad Ke-21.
2. Secara individu
3. 1000 perkataan tidak termasuk halaman rujukan.
4. Penilaian berdasarkan kriteria berikut:
 - i. Penguasaan kandungan
 - ii. Kemahiran berfikir aras tinggi
 - iii. Organisasi
 - iv. Bahasa
 - v. Kemahiran merujuk
5. Hasil kerja kursus berbentuk teks perlu ditaip mengikut kaedah penulisan ilmiah.
6. Penulisan dan sumber rujukan perlu mengikut format *American Psychological Association (APA)* yang terkini.
7. Muka hadapan kerja kursus hendaklah dilengkapkan dengan maklumat yang berikut:
 - a. Nama Pelajar
 - b. Angka Giliran
 - c. Nombor Kad Pengenalan
 - d. Kumpulan/Unit
 - e. Kod dan Nama Kursus
 - f. Nama Pensyarah
 - g. Tarikh Hantar

TUGASAN 2: Pembentangan (10%)

1. Pembentangan hasil Tugasan 1.
2. Secara individu
3. Masa 30 minit
4. Bebas menggunakan apa juar bantu terutama berdasarkan TMK.
5. Penilaian berdasarkan kriteria berikut:
 - i. Penguasaan isi kandungan
 - ii. Bahan bantu
 - iii. Kemahiran komunikasi
 - iv. Hujahan perbincangan

TUGASAN 3: Kuiz (10%)

1. Skop kuiz melibatkan semua topik dalam RMK.
2. Secara individu
3. Masa 30 minit

4. Kuiz bertulis.
5. Tiga soalan.
6. Format struktur.
7. Penilaian berdasarkan kriteria berikut:
 - a. Penguasaan kandungan
 - b. Kemahiran berfikir aras tinggi.

Arahan Pelaksanaan Tugasan:

1. Tepati tarikh yang telah ditetapkan.

Disediakan oleh:

(Nama: _____)

Pensyarah / Penyelaras Kursus

Disemak oleh:

(Nama: _____)

Pakar Bidang (SME) / Penyelaras Kursus /
Pensyarah Kanan

Disahkan oleh:

(Nama: _____)

Ketua Jabatan